

**MAJLIS PENYERAHAN HASIL KAJIAN DAN PEMBANGUNAN
ROADMAP BAGI TRANSFORMASI SEKTOR AIR 2040
(WST 2040)**

TEKS KATA ALU- ALUAN

YBHG. DATUK SERI SAIFUL ANUAR LEBAI HUSSEN

KETUA PENGARAH

UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI

DEWAN SEMINAR, MENARA PRISMA PUTRAJAYA

18 APRIL 2022, 2.00 petang

PEMBUKAAN

1. *Salutation*

- i. **YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang,
Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air
(KASA)**
- ii. **Pegawai-pegawai Kementerian Alam
Sekitar dan Air**
- iii. **Pegawai-pegawai UPE, JPM**
- iv. **Pegawai-pegawai dan para pengkaji dari Akademi Sains
Malaysia**
- v. **YBhg. Dato'/ Datuk/ Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian**

2. Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Saya mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) serta wakil-wakil Kementerian dan jabatan yang dapat meluangkan masa menghadiri sesi penyerahan rasmi hasil "Kajian Pembangunan *Roadmap* Transformasi Sektor Air 2040 (WST 2040)" pada hari ini.

Para hadirin yang saya hormati,

3. Seperti yang kita maklum, Transformasi sektor air merupakan satu aspirasi yang besar dan memerlukan sokongan padu semua pihak baik kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation*) adalah diperlukan untuk memastikan hasrat ini mencapai kejayaan.
4. Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang tinggi bagi membangunkan infrastruktur untuk memastikan akses kepada

bekalan air yang mencukupi dan terjamin. Dalam RMKe-11 sahaja, sebanyak lebih kurang RM10 bilion telah diperuntukkan bagi sektor air untuk memastikan perkhidmatan bekalan air dan pembetungan yang berkualiti. Namun kita masih berhadapan dengan masalah seperti kadar air tidak berhasil (NRW) yang tinggi dan sungai-sungai yang tercemar sehingga menyebabkan loji-loji rawatan air terpaksa dihenti tugas.

5. Melangkah ke hadapan, air perlu dilihat bukan sekadar pemboleh daya ekonomi tetapi sebagai sebuah sektor ekonomi baharu yang dinamik dan berpotensi menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
6. Oleh sebab itulah, agenda bagi WST 2040 ini telah diperkenalkan di dalam dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). WST 2040 akan dilaksanakan merentasi 4 Rancangan Malaysia bermula dari Rancangan Malaysia ke-12 sehinggalah Rancangan Malaysia ke-15 dengan harapan sektor air dapat meletakkan Malaysia sebagai hub industri air serantau menjelang 2040.
7. Inisiatif melaksanakan Kajian bagi WST 2040 bersama-sama Akademi Sains Malaysia (ASM) ini telah dimulakan pada 2 Mei 2020. Selain daripada laporan utama yang mengandungi *roadmap* transformasi sektor air, sebanyak 8 sub-kajian turut disediakan yang boleh dijadikan rujukan dan panduan oleh semua pemegang taruh yang terlibat iaitu:
 - i. *Advocacy, awareness, capacity building and public participatory;*

- ii. *Integrated Water Sector Data Centre*; iii. *Water-Food-Energy Nexus*; iv. *Water as an Economic Sector*; v. *Alternative water financing* vi. *IR 4.0 in the various Water Sub-sectors*; vii. *Virtual Water and Water Footprint*; dan viii. *Climate Change Impact dan Adaption*

8. Dalam hal ini, EPU berbesar hati kerana salah satu sub kajian ini iaitu *alternative water financing* diterajui dan dipimpin sendiri oleh YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. KSU KASA. Dengan semangat kerjasama dan sokongan padu daripada KASA serta kementerian dan agensi lain yang berkaitan telah membolehkan kajian ini berjaya dimuktamadkan.

Para hadirin yang saya hormati,

9. Secara umum, kajian WST 2040 ini menjangkakan nilai ditambah sektor air akan meningkat daripada RM3.9 bilion pada 2017 kepada RM13.7 bilion pada 2040. Kadar NRW pula dijangka berkurangan kepada 10% di beberapa buah negeri yang akan membawa kepada peningkatan pendapatan dan kemampuan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, ini memerlukan lebih banyak teknologi yang inovatif dan kemahiran yang lebih tinggi dalam kalangan komuniti saintifik sektor air untuk membawa pembaharuan dan keberhasilan yang diharapkan.
10. Bagi meneruskan hala tuju pelaksanaan WST 2040 ini, hasil kajian dan *roadmap* ini akan diserahkan kepada KASA selaku kementerian yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar serta tadbir urus

sektor air. Kajian ini juga diharap akan menjadi tulang belakang dan rujukan utama kepada penggubalan dan pembangunan Dasar Air Negara serta perancangan strategi dan pelan tindakan bagi Rancangan Malaysia yang yang datang.

11. EPU juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pengkaji yang diterajui oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) yang telah menjadi rakan strategik EPU dalam melaksanakan dan menyiapkan kajian ini.
12. Akhir sekali, sebelum saya akhiri ucapan ini, adalah menjadi harapan EPU supaya KASA dapat meneruskan usaha menerajui transformasi sektor air negara untuk manfaat dan faedah kepada keluarga Malaysia, terutamanya generasi akan datang.

Sekian, terima kasih

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.